

MB Johor enggan beri ulasan

JOHOR BAHRU, Khamis — Menteri Besar Johor, Tan Sri Othman Saat hari ini enggan mengulas kedudukan politiknya terutama jawatan Menteri Besar yang telah disandanginya sejak tahun 1967.

Beliau yang ditemui di kediaman rasminya di Saujana di sini berkata "no comment" kepada setiap pertanyaan pemberita-pemberita mengenai sebab-sebab beliau meletakkan jawatan sebagai Ketua Perhubungan UMNO Johor mulai hari ini.

Tan Sri Othman dalam satu sidang akhbar semalam berkata, beliau telah memohon kepada Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk melepaskan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Johor.

Tan Sri Othman juga tidak menjawab bila ditanya sama ada ini langkah pertama sebelum beliau meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Johor, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kesang dan Ketua UMNO Bahagian Paloh.

Beliau juga berkata "no comment" bila ditanya sama ada beliau akan berpindah ke pejabat Setiausaha Kerajaan Johor kerana pejabatnya akan diambil alih oleh Sultan Johor Isnin ini.

Terdahulu dari ini, Tan Sri Othman bermain 'kejar-kejar' dengan pemberita-pemberita di sini.

Pemberita-pemberita telah berada di pejabatnya sejak pagi tadi menunggu beliau selesai mempengerusikan mesyuarat Majlis Keselamatan Dalam Negeri.

Sebaik saja, mesyuarat selesai jam 12.30 tengah hari, Tan Sri Othman meninggalkan pejabatnya dengan senyap melalui lif yang turun di hadapan keretanya di bawah bangunan Pejabat Kerajaan Johor di Bukit Timbalan.

Pemberita-pemberita kemudian mengekori beliau ke kediaman rasminya di Saujana sebatu dari Pejabat Kerajaan Johor.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia